

25 AUG 2003

Sukan-MME

ALEX YOONG SASAR KEMENANGAN PODIUM UNTUK PASUKAN CREST JASERI RACING

SEPANG, 25 Ogos (Bernama) -- Pelumba Formula 1 pertama Malaysia Alex Yoong yakin menempatkan pasukan Crest Jaseri Racing untuk kemenangan podium pada perlumbaan 12 jam Merdeka Millenium Endurance (MME) bermula di Sepang Internaional Circuit (SIC) 30 Ogos ini.

"Saya yakin kami ada peluang cerah untuk menang acara ini walaupun saingannya sengit... kami akan gunakan kereta yang baik dan saya terkejut dengan prestasinya semasa ujian," kata Yoong di sini hari ini.

"Saya sangat gembira bersama pasukan Crest Jaseri Racing terutama ia dilakukan untuk kebajikan," katanya.

Pasukan Crest Jaseri Racing dianggotai Datuk Mokhzani Mahathir, Faizal Hakimi Jaafar dan mereka akan menggunakan Porsche GT3 390cc.

Menurut Yoong semasa ujian minggu lepas, beliau memandu kereta itu pada kelajuan maksimum dan mencatatkan 2 minit 19 saat satu pusingan, iaitu setara dengan masa pole Piala Porsche Carrera Asia semasa.

"Kereta ini sungguh hebat dan saya yakin kami akan menduduki podium," katanya.

Rakan sepasukannya Faizal Hakimi, bekas pelumba Formula 2000, berkata penyertaan Yoong dalam pasukan itu melonjakkan peluang pasukan terbabit untuk memenangi perlumbaan dan sumbangan keseluruhan beliau kepada pasukan itu sangat bernilai.

Pasukan Crest Jaseri Racing mempunyai dua matlamat dalam MME tahun ini -- pertama, menjadi pemenang dan kedua membuat kebajikan.

Sumbangan minimum RM1 satu pusingan lengkap dalam perlumbaan 12 jam itu akan disumbangkan kepada Yayasan Hati Malaysia, Persatuan Talasemia Malaysia dan Rumah Anak Yatim Bangi.

Pasukan itu mensasarkan kutipan RM260,000 dan jumlah itu akan diagihkan sama rata kepada tiga organisasi berkenaan.

-- BERNAMA
AHA KHY LAT